

18 OCT 1998

Hamid-Umno

CADANGAN GHAFAR PERLU DIKAJI SECARA TERPERINCI - HAMID OTHMAN

TANAH MERAH, 18 Okt (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata kajian terperinci perlu dijalankan terhadap cadangan supaya jawatan Timbalan Presiden Umno dihapuskan manakala jawatan Naib Presiden ditambah kepada lima.

Beliau berkata kajian perlu dilakukan khususnya mengenai kebaikan dan keburukan kepada parti dan negara jika cadangan itu diterima oleh parti.

Abdul Hamid yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan tokoh veteran Umno Tun Ghafar Baba supaya jawatan nombor dua dalam parti itu dihapuskan sebaliknya jawatan naib presiden ditambah menjadi lima.

Beliau memberitahu pemberita selepas menghadiri majlis penerangan isu semasa anjuran Umno Bahagian Tanah Merah di sini, hari ini.

Beliau berkata kemungkinan jawatan timbalan presiden masih diperlukan supaya memudahkan presiden mencari penggantinya termasuk ketika beliau bercuti.

Kajian juga perlu dilakukan untuk menambah jawatan naib presiden kerana sebelum ini kerja-kerja dalam parti tidak dibahagi sama rata antara ketiga-tiga naib presiden, katanya.

Beliau percaya pandangan yang dinyatakan oleh Ghafar itu lahir daripada pengalamannya yang lama dalam Umno.

Ditanya mengenai hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bersara setelah ekonomi negara pulih kembali dan keadaan politik negara stabil, Abdul Hamid berkata rakyat Malaysia rata-rata masih memerlukan beliau untuk memulihkan ekonomi, mengekalkan persefahaman antara parti komponen Barisan Nasional dan perpaduan kaum.

"Memang wajar Perdana Menteri tidak boleh tinggalkan negara dalam keadaan begini dan pengalamannya yang luas amat diperlukan," katanya.

--BERNAMA

BD oba